

Wibawa intelektual serlah Anwar tokoh Muslim berpengaruh dunia

• Kemunculan Anwar dalam barisan elit ini mencerminkan kemunculan seorang pemimpin Asia Tenggara membawa suara Islam sederhana, rasional dan berprinsip ke gelanggang antarabangsa

• Pada masa sama, pengiktirafan ini turut membawa cabaran. Ketegasan Anwar dalam isu Palestin dan pendiriannya terhadap kuasa besar menuntut Malaysia mengimbangi idealisme dengan pragmatisme



Najib Canselor
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Oleh Prof Datuk Dr Mohd Foad Sakdan
bhrencana@bh.com.my

Kedudukan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai tokoh Muslim paling berpengaruh ke-10 dunia dalam edisi 2026 *The World's 500 Most Influential Muslims* yang baru sahaja diterbitkan menjadi satu pengiktirafan besar terhadap kepemimpinan Malaysia yang semakin menyerlah pada peringkat antarabangsa.

Peningkatan berterusan ini, daripada pada ke-17 pada 2024 kepada ke-15 pada 2025 dan kini ke-10, menunjukkan

pengaruh beliau berkembang bukan sekadar dalam konteks domestik, tetapi menjangkau ke seluruh dunia Islam.

Penerbit laporan berprestij itu, Pusat Kajian Strategik Diraja Islam (RISSC) bernaung di bawah Institut Pemikiran Islam Diraja Aal al-Bayt di Amman, Jordan, menjelaskan penarafan ini berpacak, ukuran pengaruh merentas bidang politik, budaya, ekonomi dan moral.

Lonjakan Anwar ke kelompok 10 teratas diletakkan dalam kelas sama dengan pemimpin dunia Islam seperti Emir Qatar, Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani pada kedudukan pertama; Ayatollah Ali Khamenei dari Iran (keempat); Raja Abdullah II dari Jordan (kelima); Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan (ketujuh); Raja Salman dari Arab Saudi (Erlapan) dan Presiden Emiriah Arab Bersatu (UAE) Sheikh Mohamed bin Zayed Al-Nahyan (kesembilan).

Kemunculan Anwar dalam barisan elit ini mencerminkan kemunculan seorang pemimpin Asia Tenggara membawa suara Islam sederhana, rasional dan berprinsip ke gelanggang antarabangsa.

Berbanding kebanyakan tokoh lain yang mengetuai kerajaan berasaskan sumber minyak atau mempunyai kuasa ekonomi luar biasa, pengaruh Anwar lebih banyak bersandarkan kekuatan moral, keupayaan diplomatik dan wibawa intelektual yang jarang ditonjolkan pemimpin rantau ini.

Antara faktor utama mendorong peningkatan ini ialah kejayaan beliau memainkan peranan penting sebagai perantara damai di Asia Tenggara. *The Muslim 500* secara khusus menyorot peranan beliau dalam meredakan ketegangan antara Thailand dengan Kemboja selepas berlakunya pertempuran di sempadan kedua-dua negara.

Selain diplomasi keamanan, keberanian moral Anwar dalam isu Palestin turut menjadi pendorong utama peningkatan rankingnya. Dalam laporan berkenaan, RISSC menggambarkan beliau sebagai antara tokoh Muslim paling lantang menyuarakan sokongan terhadap hak rakyat Palestin untuk menentang penjajahan.

Pertemuan Anwar dengan pemimpin Hamas, termasuk Ismail Haniyeh, menunjukkan kesediaannya untuk berinteraksi dengan semua pihak demi keadilan dan kemanusiaan. Walaupun tindakan itu mengundang kritikan daripada Amerika Syarikat (AS) dan platform media sosial antarabangsa, beliau tetap mempertahankan pendiriannya.

Ucapan menyelar tindakan Meta kerana memadam hantaran takziyahnya terhadap pembunuhan Ismail dengan berkata: "Hentikan sikap pengecut ini dan berhenti bertindak sebagai alat kepada rejim Zionis Israel", menjadi simbol ketegasan Malaysia menentang penindasan, sekali gus memperkukuh kredibiliti moralnya di mata dunia Islam.

Di samping itu, kenaikan Anwar turut menggambar keutuhan perjalannya sebagai pemimpin berpegang kepada prinsip sepanjang karier politiknya. Laporan berkenaan menilai pengaruh sejati bukanlah berdasarkan kejayaan sementara, tetapi diukur daripada perjalanan hidup membentuk integriti dan ketahanan seseorang tokoh.

Kisah hidup zahir daya tahan luar biasa

Dari perjuangan mahasiswa pada 1970-an, keanggotaan dalam kerajaan, penganiayaan politik, pemenjaraan hingga akhirnya dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-10, kisah hidup Anwar menzahirkan daya tahan luar biasa.

Beliau dikenali sebagai pemimpin yang tidak tunduk kepada tekanan kuasa, malah terus memperjuangkan keadilan sosial, pendidikan Islam serta nilai demokrasi yang inklusif.

Apabila dibandingkan dengan tokoh lain dalam senarai 20 teratas, kedudukan Anwar memberikan gambaran menarik mengenai keseimbangan kuasa dan moral dalam dunia Islam.

Sheikh Tamim yang kini mengungguli ranking, dihargai kerana peranan Qatar sebagai penaja keamanan global, termasuk dalam krisis Afghanistan dan Gaza.

Khamenei pula mengekalkan pengaruh melalui kepemimpinan revolusioner Iran. manakala Raja Abdullah II diiktiraf atas peranannya melindungi tapak suci Baitulmaqdis

dan menyejarkan bantuan kemanusiaan besar-besaran ke Gaza.

Erdogan pula mengekalkan kedudukannya hasil keupayaan mengimbangi politik domestik dengan dasar luar yang lantang terhadap Israel.

Dalam kalangan mereka, Anwar tampil sebagai figura mempertaut suara Asia Tenggara dengan perjuangan sejagat ummah, menggabungkan pragmatisme diplomatik dan ketegasan moral.

Kenaikan ini juga membawa implikasi penting kepada Malaysia dari segi diplomasi, ekonomi dan imej antarabangsa.

• Pertama, ia memperkukuhkan keupayaan Malaysia sebagai kuasa lunak (soft power) Islam sederhana yang dihormati di pentas global. Pengiktirafan antarabangsa ini menjadikan suara Kuala Lumpur lebih berwibawa dalam forum seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

• Kedua, kedudukan ini berpotensi memperkukuh hubungan ekonomi dan diplomatik Malaysia dengan dunia Islam dan kuasa besar lain. Kepercayaan kepada kepemimpinan Anwar membara rucah kepada pelaburan dan kerjasama dua hala baharu, terutama dalam bidang kewangan Islam, teknologi hijau dan pembangunan sumber manusia.

• Ketiga, dari segi geopolitik, pengiktirafan terhadap Anwar sebagai pemimpin berpengaruh turut meningkatkan daya saing Malaysia dalam ASEAN. Bersama Indonesia di bawah Presiden Prabowo Subianto yang kini menduduki tangga ke-15, Asia Tenggara muncul sebagai wilayah yang semakin mendapat perhatian dalam perbincangan global terhadap masa depan dunia Islam.

• Keempat, secara domestik, kedudukan Anwar dalam senarai berkenaan memperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap dasar luar Malaysia berprinsip. Pendiriannya beliau terhadap isu Gaza dan Palestin membangkitkan rasa kebersamaan nasional dalam mempertahankan keadilan global.

Pada masa sama, pengiktirafan ini turut membawa cabaran. Ketegasan Anwar dalam isu Palestin dan pendiriannya terhadap kuasa besar menuntut Malaysia mengimbangi idealisme dengan pragmatisme.

Dalam era media sosial dan geopolitik yang mudah terdedah kepada manipulasi persepsi, Malaysia perlu mengurus reputasi ini dengan bijak agar tidak disalah tafsir sebagai berpihak secara mutlak kepada blok tertentu.

Pendekatan bersandarkan diplomasi berprinsip, komunikasi strategik dan komitmen terhadap undang-undang antarabangsa akan memastikan pengaruh dikecapi kekal kukuh dan dihormati.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

